

FDI cipta peluang pekerjaan, bawa masuk teknologi moden

Pelaburan asing perluas akses rakyat kepada peluang berpendapatan tinggi

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Pelaburan langsung asing (FDI) bukan sekadar angka besar yang diumumkan, tetapi membawa dua lapisan manfaat utama yang memberi nilai tambah besar kepada negara.

Perunding Kanan Global Asia Consulting, Samirul Ariff Othman, berkata manfaat pertama yang dirasakan daripada aliran masuk FDI adalah dalam aspek penciptaan peluang pekerjaan dan pertumbuhan eksport, manakala manfaat berikutnya merangkumi pemindahan teknologi serta pembinaan ekosistem ekonomi yang lebih moden dan berdaya saing.

“FDI yang disasarkan secara strategik berpotensi mencetus-

kan perubahan besar dalam landskap ekonomi rakyat.

“Kesan langsung seperti peluang kerja dan limpahan ekonomi tempatan dapat dirasakan segera, manakala dalam jangka panjang, FDI memperkukuh ekosistem industri, meningkatkan produktiviti dan memperluas akses rakyat kepada peluang berpendapatan tinggi,” katanya kepada BH.

Samirul berkata, pelaburan dalam sektor bernilai tinggi seperti semikonduktor, tenaga boleh diperbaharui dan kenderaan elektrik (EV) membawa masuk teknologi terkini, memacu pmodenan industri, serta menghubungkan Malaysia dengan rangkaian bekalan global.

Katanya, ini termasuk pelaburan berimpak tinggi seperti Intel di Kulim dan Infineon di Melaka.

“Dengan penyertaan aktif syarikat tempatan dan tenaga kerja Malaysia, pelaburan sebegini membantu negara melangkah ke fasa pembangunan industri yang lebih canggih dan mampan. Ia bukan hanya bawa kilang, tapi bawa nilai,” katanya.

Pembangunan lebih holistik

Lebih penting, katanya, pelaburan asing juga mula memberi kesan langsung kepada rakyat.

“Apabila kilang baru dibuka, ia bukan sahaja menawarkan kerja dalam sektor pembuatan, tetapi turut mencetuskan permintaan dalam sektor pembinaan, logistik, perkhidmatan, pendidikan dan perumahan. Ini menjadikan pembangunan lebih holistik serta inklusif,” tambah Samirul.

Beliau berkata, FDI juga membuka ruang pemindahan ilmu dan teknologi, terutama melalui pusat inovasi dan penyelidikan yang dibangunkan oleh syarikat antarabangsa.

“Western Digital, Bosch dan beberapa syarikat global lain bekerjasama dengan universiti tempatan. Ini meningkatkan tahap kemahiran anak muda dan mencipta peluang untuk kerjaya bernilai tinggi,” katanya.

Kerajaan juga dilihat semakin proaktif dalam memastikan manfaat pelaburan asing dinikmati secara menyeluruh.

Antaranya melalui perluasan Program Pembangunan Vendor Nasional (NVDP), pelaksanaan dasar pemindahan teknologi dan syarat kandungan tempatan yang lebih ketat dalam kelulusan projek baharu.

Samirul mencadangkan agar pelaburan turut diagihkan ke luar bandar dan kawasan ber-

potensi tinggi seperti Kulim, Sarawak dan Sabah.

Sementara itu, Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata kemasukan FDI bukan sekadar pembinaan kilang, penggajian pekerja dan penggunaan vendor tempatan, malah merangkumi cukai yang dibayar yang akan dapat menambahkan pendapatan kepada kerajaan.

“Sekiranya kita melihat sektor semikonduktor yang banyak berpusat di Pulau Pinang, ia banyak memanfaatkan Malaysia, terutama dari segi pendidikan.

“Contohnya, Micron Malaysia bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam hal berkenaan pembangunan modal insan serta inisiatif penyelidikan dan termasuk kurikulum bagi subjek berkaitan kejuruteraan elektronik.

“Kesan utama adalah pengwujudan peluang pekerjaan, pembangunan infrastruktur serta pendidikan tinggi terutama dari sudut penyelidikan,” katanya.

Beliau berkata, apa yang perlu ditekankan adalah bagaimana ekosistem FDI itu dapat menterjemahkan dapat menggalakkan pertumbuhan pelaburan domestik.

“FDI yang disasarkan secara strategik berpotensi mencetuskan perubahan besar dalam landskap ekonomi rakyat”

Samirul Ariff Othman, Perunding Kanan Global Asia Consulting
Perniagaan dan Ekonomi, UPM



“Sekiranya kita melihat sektor semikonduktor yang banyak berpusat di Pulau Pinang, ia banyak memanfaatkan Malaysia, terutama dari segi pendidikan”

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial
Bank Muamalat Malaysia